

KONTEKS SEJARAH DAN HISTORIOGRAFI MALEK BENNABI ABAD KE-20

[MALEK BENNABI'S HISTORICAL CONTEXT AND HISTORIOGRAPHY OF THE 20TH CENTURY]

MUHAMMAD SYAKUR AHMAD^{1*} & AZMUL FAHIMI KAMARUZAMAN¹

Received Date: 6 August 2019

Accepted Date: 23 September 2019

Abstrak

Penjajahan Barat ke atas dunia Islam pada awal abad ke-20 menyaksikan berlakunya ketidakstabilan dalam sistem kehidupan masyarakat Islam akibat kejatuhan menyeluruh kerajaan pusat Turki Uthmaniyyah 1923. Sehubungan itu, pandangan al-Buti dalam buku ‘Manhaj al-Hadharatul Insaniah Fi al-Quran’ (1998) yang menghuraikan persoalan peradaban Islam dengan unsur-unsurnya menyebutkan beberapa kenyataan bahawa Malek Bennabi (1905-1973) merupakan satu-satunya pemikir Islam yang memberi respon khusus mengenai perkembangan itu melalui karya-karyanya. Justeru, kajian berbentuk kualitatif ini dilakukan bagi meneliti semula konteks sejarah Malek Bennabi. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengklasifikasikan genre-genre historiografi Bennabi serta menentukan bilangan terjemahannya berdasarkan jadual dan gambarajah. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah dokumentasi dan pensejarahan berdasarkan korpus autobiografi Bennabi dan historiografinya. Dalam proses analisis data pula, menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis isi kandungan dan analisis deskriptif. Hasil penelitian mendapati Malek Bennabi merupakan tokoh intelektual Islam yang mempunyai pengetahuan luas dalam pelbagai disiplin dan menjadi pejuang disebalik tabir dalam masyarakat Algeria pada abad ke-20. Selain itu, konteks sejarah Bennabi dari segi sosial, politik dan intelektual memaparkan sepanjang kehidupannya ditempuhi dengan pelbagai cabaran terumatanya di Algiers, Paris dan Kaherah. Beliau lebih menumpukan genre ketamadunan dalam penulisannya. Selain ilmu saintifik, penguasaan Bennabi turut menghasilkan sejumlah karya-karya sosial seperti tafsir, sosiologi, psikologi, falsafah dan ekonomi. Maka, hal ini menyebabkan pemikiran dan analisisnya dalam historiografinya nampak lebih sistematik, komprehensif dan ideal. Keseluruhan historiografi Malek Bennabi yang berkembang selepas kematiannya menjustifikasi bahawa karya sejarah beliau perlu dipetakan dalam kalangan tokoh-tokoh pembaharuan dalam dunia Islam.

Kata kunci: abad ke-20, Malek Bennabi, konteks sejarah, historiografi

Abstract

The Western occupation of the Muslim world in the early 20th century saw instability in the Islamic system of life as a result of the total collapse of the Ottoman Turkish central government in 1923. In this regard, al-Buti's views in the book 'Manhaj al-Hadharatul Soft Fi al-Quran' (1998) that address the question of Islamic civilization with its elements echo some of the statements that Malek Bennabi (1905-

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Azmul Fahmi Kamaruzaman, Pusat Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
E-mail: azmul@ukm.edu.my

1973) was the only Muslim thinker responds specifically to the development through his works. Thus, this qualitative study was conducted to re-examine Malek Bennabi's historical context. In addition, the study aims to classify Bennabi's historiographical genres as well as determine the number of translations based on tables and diagrams. The study data were collected using documentation and analysis based on Bennabi's autobiographical corpus and its historiography. In the process of data analysis, it uses two methods: content analysis method and descriptive analysis. The results show that Bennabi was a knowledgeable Islamic intellectual with extensive knowledge in various disciplines and was a fighter behind the scenes in Algerian society in the 20th century. In addition, Bennabi's social, political, and intellectual contexts reflect throughout his life in the face of various challenges in Algiers, Paris and Cairo. He focused more on the civilization genre in his writing. In addition to scientific knowledge, Bennabi's mastery also produced a number of social works such as tafsir, sociology, psychology, philosophy and economics. This, in turn, makes his thinking and analysis in his historiography seem more systematic, complex and ideal. Malek Bennabi's overall historiography, which evolved after his death, justifies that his historical work needs to be mapped among reformist figures in the Islamic world.

Key Words: 20th century, Malek Bennabi, historical context, historiography

Cite This Article:

Muhammad Syakur & Azmul Fahmi Kamaruzaman. (2019). Konteks sejarah dan historiografi Malek Bennabi abad ke-20. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(3), 41-54. Open Acces: <http://ajocs.com>

PENGENALAN

Malek Bennabi (1905-1973) merupakan salah seorang tokoh ilmuwan Islam kelahiran Algeria yang terkenal sebagai pemikir kontemporer bagi abad ke-20 tetapi kurang diberi perhatian. Sekiranya pada kurun ke-15, umat Islam berbangga dengan kecermerlangan Ibnu Khaldun (808H/1409M), tentang perbaasan sejarah, sosiologi dan peradaban, maka sekitar awal abad ke-20, di Afrika Utara juga, Bennabi telah mendahului ilmuwan lain dengan karya-karya yang diperlukan oleh dunia Islam yang berada dalam situasi kemunduran. Sering dikaitkan dengan teori dan konsep peradaban, beliau menilai cabaran-cabaran zaman moden yang melingkari peradaban masyarakat Islam ketika itu dan mencetuskan suatu bentuk pemikiran peradaban melalui penulisannya. Maka penulisan karya-karyanya dijadikan kajian penulis dengan merujuk kepada karya asal, terjemahannya serta kajian-kajian lepas.

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan yang diutarakan oleh Muhammad Said Ramadan al-Buti (1998: 10) dalam bukunya yang kemudian diterbitkan oleh Yayasan Islam Hadhari di Malaysia pada 2004 dengan menyatakan bahawa:

"على أن الواجب أن أبادر فأستبني كتاباً مثل مالك بن نابي رحمة الله تعالى، فقد سلك في بحوثه الكثيرة عن الحضارة الإسلامية، مسلك النااشن عن جذورها الباحث عن صلة ما بينها وبين نفوس أصحابها..."

Fahmi Jad'an (1988: 416) juga berpendapat bahawa sesetengah orang yang berminat dalam pemikirannya menganggapnya seorang penulis, pemikir, dan mungkin ahli falsafah sosial dan saintis sosial dunia Islam yang pertama sejak zaman Ibn Khaldun.

Dalam abad ke-20, tokoh pembaharuan Islam di Afrika Utara sering dikaitkan dengan nama-nama besar seperti Hasan al-Banna (1906-1949) dan Sayyid Qutb (1906-1966) oleh

kebanyakan sarjana Malaysia seperti Zainudin Bin Hashim (2018), Muhammad Nasron Yaacob (2013) dan Hasan, S.Badrul (1986). `Abd al-Hamid ibn Badis (1889-1940) pula dijadikan subjek kajian bagi tokoh besar di Algeria oleh Bassam al-Asali (1982), Fahimi Sa`ad (1983), Yusuf bin Salah (2016).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa al-Buti mengiktiraf Malek Bennabi sebagai tokoh penting yang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan sejarah dan peradaban Islam termasuklah negara Malaysia yang meminjam idea bagi pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia pada 2004. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memaparkan sejauhmana Malek Bennabi dan karya-karyanya berkembang selepas kematianya.

Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat difahami bahawa idea asli adalah dijalankan terhadap karya-karya Bennabi. Namun begitu, masih belum terdapat kajian Malek Bennabi yang memfokuskan kepada konteks sejarah dan historiografi seperti kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji luar Malaysia. Adapun kajian Khairiah Mohd Yassin (2012) yang mengkaji pemikiran perbandingan antara Bennabi dan Edward Burnett yang cenderung mengkaji bentuk persamaan dan perbezaan peranan kebudayaan dalam perkembangan ilmu antara kedua-dua tokoh tersebut. Manakala yang lain, tertumpu kepada pemikiran Bennabi terhadap institusi kemasyarakatan, karya Fenomena al-Quran dan falsafah pendidikan negara (Khariah Mohd Yassin, 2015; 2016; 2017) Melihat kepada kelompongan ini, adalah wajar kajian ini dilakukan bagi meneliti konteks sejarah Malek Bennabi dari perspektif yang berbeza. Pengkaji juga akan menentukan karya-karya yang dihasilkan oleh Malek Bennabi melalui graf dan jadual. Melalui graf dan jadual ini, historiografi Bennabi dapat ditentukan secara umum sebagai genre ketamadunan.

Justeru, pelaksanaan kajian Konteks Sejarah dan Historiografi Malek Bennabi Abad ke-20 bertujuan mengklasifikasikan bentuk historiografi Malek Bennabi, serta menentukan konteks sejarah Malek Bennabi berdasarkan pendekatan pensejarahan dan teks.

OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i. Meneliti semula konteks sejarah Malek Bennabi.
- ii. Mengklasifikasikan bentuk historiografi Malek Bennabi.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan biografi di mana fokus kajian berdasarkan konteks sejarah tokoh dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah kaedah dokumentasi dan pensejarahan berdasarkan korpus autobiografi Bennabi dan historiografi. Teks sumber yang digunakan ialah karya *Mudhakkirat Shahidin li al-Qarn, juz 1; Vocation de l'Islam; On the Origin of Human; Musyhkilat al-Afkar*; dan *Syurut al-Nahdah* beserta terjemahannya. Dalam proses analisis data pula, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis isi kandungan dan analisis deskriptif. Fokusnya adalah untuk membina hubungan biografi Bennabi dengan milieu dan bagaimana beliau menghasilkan karya-karyanya.

KONTEKS SEJARAH: SOSIAL

Pengkaji-pengkaji sebelum ini telah merujuk sumber utama biografi kepada autobiografi Bennabi sendiri iaitu *Mudhakkirat Shahidin li al-Qarn juz 1* (Fawzia Bariun, 1993: 69). Malek Bennabi (atau Mālik bin Nabī) dilahirkan pada 1 Januari 1905M/24 Syawal 1322H di Constantine, sebuah wilayah Algeria Timur dan dibesarkan di Tebessa dan Constantine. Bapanya bernama al-Haj ‘Umar Bin Abd al-Qadir Bin Mustafa berasal daripada keluarga imigran yang miskin. Bapanya merupakan anak jati wilayah Constantine, pernah menuntut di Madrasa al-Rasmiya serta mementingkan pendidikan. Ketika kecil, bapanya mengikuti datuknya ke Tripoli, Libya akibat penjajahan selama beberapa tempoh namun selepas meningkat dewasa, bapanya memilih untuk pulang semula ke Algeria, lalu menetap di kampung ibunya, selepas berkahwin. Di Tebessa, bapanya bekerja sebagai pegawai kerajaan di Mixed Commune tempatan. Ibunya pula bernama Zhira Bennabi berasal dari wilayah Tebessa, hanya seorang tukang jahit, meninggal dunia pada 1934 (Ahmad, M.S. & Azmul Fahimi Kamaruzaman, 2018: 57-58).

Pada permulaan zaman kanak-kanak, Bennabi diserahkan kepada ibu bapa saudaranya sebagai anak angkat yang tinggal di Constantine. Selepas bapa angkatnya meninggal, ibu angkatnya yang tidak stabil menyerahkan semula Bennabi kepada keluarganya di Tebessa. Bennabi merupakan anak lelaki tunggal daripada empat orang adik beradik, iaitu seorang kakak dan dua orang adik perempuan. Pada zaman kanak-kanak, Bennabi sangat akrab dengan neneknya, Hajjah Zulaikhah yang gemar bercerita di Tebessa. Suasana persekitaran ini telah membentuk dan mempengaruhi peribadi Bennabi menjadi seorang tokoh intelektual yang dikenali di kemudian hari (Fawzia Bariun, 1993: 71-72; Usman Syihab, 2003: 30-31). Pendidikan yang diterima daripada pelbagai tokoh ketika berada di Algeria dan Perancis telah menjadikan Bennabi seorang yang berpengetahuan luas dan banyak menguasai pelbagai disiplin ilmu.

Bennabi hidup pada abad ke-20 semasa penjajahan Perancis. Zaman tersebut menyaksikan sebuah gerakan pembaharuan Islam muncul di Algeria ketika Perang Dunia I dan berkembang hingga matang pada tahun 1920-an dan 1930-an sekitar meletusnya Perang Dunia II. Pelbagai kumpulan dibentuk untuk menentang pemerintahan Perancis, yang paling terkenal ialah Front Pembelaan Kebangsaan (FLN) dan Pergerakan Algeria Kebangsaan. Pelbagai pergolakan dan bencana seperti peperangan antara pejuang Islam tersebut dengan tentera Perancis, seperti wabak penyakit, inflasi, pengangguran dan kebuluran. Ketika meletus Perang Dunia I, usianya baru 9 tahun. Keluarganya yang terkesan akibat kemerosotan ekonomi negara menghantar semula Bennabi kepada ibu angkatnya, Bhaidjah di Constantine. Ketika ini beliau selalu mendengar keluhan datuknya(keluarga ayah) yang diusir dari Libya akibat ketibaan Itali, tentang pelbagai persoalan sosial dan ekonomi di Algeria. Hal ini turut mempengaruhi pembentukan gagasan awal beliau khususnya. Buktinya Bennabi menyimpulkan dalam catatannya bahawa struktur ekonomi umumnya telah mengubah struktur budaya dan semua aspek kehidupan (Fawzia Bariun, 1993: 73, 1998: 54-55, Boussalah, 2005: 4; Khairiah M.Yassin, 2012: 92; Mohamed Azam, 2017: 288).

Pada tahun 1931, ketika menetap di Paris, Bennabi mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis Perancis yang telah memeluk Islam, iaitu Khadijah. Selama tempoh perkongsian hidup bersama isterinya di Druex, Perancis, Bennabi dapat memperluaskan tahap pengetahuan

dan pemerhatian yang melangkaui budaya dan negaranya (Bennabi, 1970: 59). Pada tahun 1962, atas faktor masih tidak dikurniakan zuriat dan permintaan keluarganya, Bennabi menguruskan perkahwinan yang kedua dengan seorang gadis Algeria yang masih dekat dengan keluarganya (Usman Syihab, 2003: 43-60). Beliau pernah dituduh terlibat dalam gerakan kemerdekaan dan Perancis mahu menangkapnya namun beliau berundur ke Kaherah. Selama hidup di Kaherah, Bennabi tetap komited terhadap pencapaian kemerdekaan negaranya. Namun demikian, kewujudan Bennabi di Mesir lebih memperlihatkan dirinya sebagai seorang pemikir berbanding sebagai ahli politik. Melalui Mesir, dia mempunyai kebebasan untuk mempropagandakan ideanya tentang peradaban dan pengislahan.

Setelah selama 20 tahun di luar negara beliau kembali ke negaranya setelah setahun Algeria mencapai kemerdekaan pada tahun 1962 (Mohamad Kamil, 1995: 38). Bennabi meninggal dunia pada hari Rabu, 4 Syawal 1393H bersamaan 31 Oktober 1973M di rumahnya ketika berusia 68 tahun, sebaik sahaja beliau selesai menyusun karya al-Muslim fi Alam al-iqtisodi pada tahun 1972. Hari kematianya secara rasmi dianggap sebagai hari berkabung di Algeria dan Libya (Fawzia Bairun, 1988: 74).

KONTEKS SEJARAH: POLITIK

Beliau mengisi usia mudanya dengan mengikuti kegiatan ilmiah yang dijalankan gerakan reformasi yang dipelopori sebahagian besar pelajar-pelajar Ben Badis di Kafe Benyamina. Beliau turut menerokai karya-karya, buku-buku dan akhbar dari pelbagai bidang seperti sastera Barat dan Arab, pemikiran Islam dan orientalis, isu politik semasa dan bidang sejarah yang menemukan beliau dengan karya besar Mukaddimah, Ibnu Khaldun (Fawzia Bariun, 1993: 76; Usman Syihab, 2003: 34-38).

Pada tahun 1925 setelah tamat sekolah, beliau tidak mempunyai perancangan kerjayanya tetapi bercita-cita tinggi untuk menerokai dunia luar Algeria yang dikenalinya melalui bubu-buku teks. Maka beliau mengembara ke Perancis dan mendapatkan beberapa pekerjaan sementara dan kembali ke Algeria pada tahun 1927 setelah penat dengan layanan buruk majikan-majikan Perancis terhadap para pekerja Algeria. Dengan pertolongan kawan, beliau akhirnya diterima bekerja sebagai ‘Adl (penulis) di Mahkamah Aflou, Oran yang menjelajah desa-desa untuk meninjau kes-kes masyarakat luar bandar yang tinggal di sekelingnya. Setahun kemudian, beliau ditugaskan di Mahkamah Chateaudun, namun tidak lama kemudian beliau meletak jawatan dan kembali ke Tebessa membantu perusahaan tepung abang iparnya tetapi gagal akibat krisis ekonomi 1929 (Usman Syihab, 2003: 39-40).

Di Paris, Bennabi terlibat dengan pelbagai aktiviti berpersatuan. Beliau menyertai Organisasi Pemuda Kristian Paris dan mengikuti aktivitinya. Kesannya beliau mengenali rakan-rakan dari pelbagai golongan dan taraf hidup secara tidak langsung membantunya menyesuaikan diri kepada cara baru (Usman Syihab, 2003: 41-42). Kemudian beliau menjadi pemimpin Persatuan Pelajar Maghrib dengan mempersoal hujah-hujah golongan ulama dan kumpulan yang dibentuk oleh pendidikan tradisional serta ketidakupayaan mereka memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar (Bennabi, 1970: 106). Sebagai seorang idealis dan berfikiran bebas, Bennabi tidak menyertai Jam'iyyat al-Ulama' atau mana-mana parti politik di dalam atau di luar Algeria secara rasmi kerana personalitinya sebagai seorang pemikir tulen

yang bersifat kritis (Fawzia Bariun, 1993: 81). Beliau juga lebih menyanjungi cara pembawaan Syeikh Oqbi daripada Syeikh Ben Badis.

Pada 1932 pula, Bennabi menyertai beberapa perjumpaan yang dibuat bersama rakan-rakannya bagi menjalankan usaha-usaha pembaharuan di Kafe Le Cartiers Latin. Hasilnya lahirnya al-Jamiah al-Arabiyyah (Usman Syihab, 2003: 47). Ketokohan beliau mula dikenali ramai setelah dilantik sebagai pengarah Kelab Muktamar Islam Algeria di Paris kerana kelantangannya dalam ucapannya. Sikap Bennabi semakin kritikal terhadap aktiviti-aktiviti politik apabila pulang ke tanah airnya. Dia pernah menyampaikan sejumlah ceramah di 'Kelab Budaya' (al-Nadi). Pada saat itu, Bennabi juga menulis satu artikel dalam bahasa Perancis yang menentang fasisme dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab. Namun, Bennabi terlalu sedih akibat harapannya yang hilang. Setelah 2 tahun tidak produktif, Bennabi kembali semula ke Perancis tinggal bersama isterinya dari tahun 1939 hingga 1956 dalam usaha merekodkan pemikirannya, beliau telah berhasil menerbitkan 4 buah buku bermula selepas Perang Dunia II.

Disebabkan pemikirannya yang sederhana, Bennabi telah perolehi suaka politik dan dijemput untuk memegang beberapa jawatan penting dalam bidang keilmuan ketika tiba di kota Kaherah pada tahun 1956. Beliau dilantik oleh kerajaan nasionalis pimpinan Gamal Abdel Nasser sebagai anggota penasihat kepada Majlis Hal Ehwal Islam. Setiausaha agungnya ketika itu ialah Anwar Sadat (Bennabi, 2009: xi). Beliau meneruskan kegiatan intelektualnya secara mingguan di kediamannya, Kaherah dengan beberapa pelajar Arab untuk membincangkan pelbagai isu. Hal ini telah menyumbang kepada pembentukan intelektual dikalangan ramai tokoh Arab yang mendapat manfaat daripada pandangan-pandangan yang berbeza daripada Bennabi. Bennabi yang berusia 52 tahun ketika itu, berpendapat bahawa berperang dalam front intelektual realitinya tidak kurang penting dengan berperang di front tentera (Fawzia Bairun, 1998: 67-68). Selain itu, beliau memberi khidmat kepada masyarakat Islam menerusi penglibatannya sebagai tenaga pengajar dan pensyarah seperti yang dilakukan di pelbagai universiti dan organisasi.

Pada tahun 1965, ketika Algeria di bawah era presiden Ben Bella, beliau dilantik sebagai Pengarah Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan setelah 2 tahun kembali dari Mesir, dan kedudukannya mendekatkannya dengan pihak kerajaan yang menjemputnya untuk mendapat khidmat nasihat dan secara relatif menjadi dekat dengan pimpinan Algeria. Namun, pada tahun 1967 beliau diberhentikan dari jawatannya tanpa sebab. Oleh itu, beliau meneruskan aktiviti menulisnya untuk menyebarkan ideanya di kalangan generasi muda Algeria. Rumah beliau dijadikan sebagai tempat pertemuan intelektual dan diskusi. Bennabi secara rasminya tidak dibenarkan meninggalkan negaranya dan sentiasa diawasi oleh pihak kerajaan. Beliau pernah menulis surat kepada kerajaan meminta kebenaran untuk mengerjakan haji dan dibenarkan ke Arab Saudi bersama isterinya pada tahun 1971. Selama 7 bulan beliau merantau ke Mesir, Syria, Lubnan, Libya dan Tunisia. Beliau berjumpa kenalannya kerana menjangkakan perjumpaan yang terakhir di luar Algeria.

KONTEKS SEJARAH: INTELEKTUAL

Bennabi terkenal sebagai tokoh pemikir yang berpengetahuan luas. Guru yang ditemuinya secara formal dan tidak formal agak ramai dan mempunyai kepakarannya tersendiri. Bennabi menerima didikan awal dan bimbingan daripada neneknya, Hajjah Zulaikhah yang ketika itu

menggunakan kaedah ‘a teaching circle’ sebagai ‘madrasah’ pertama dengan memperkenalkan sejarah Algeria dan nilai-nilai moral. Cerita dianggap sebagai satu norma sosial iaitu generasi tua mengajar nilai sosial, idea dan kepercayaan kepada generasi muda di Afrika Utara (al-Quraisyi, 1996: 29-30).

Bennabi memulakan pendidikan awal al-Qur'an pada setiap pagi di al-Kuttab selama tempoh 4 tahun. Dalam masa yang sama beliau belajar dengan Puan Buyl di sekolah rendah Perancis dengan mendapatkan keputusan yang baik di akhir pengajian ketika umurnya menjangkau 12 tahun. Beliau juga sering ke masjid dan gemar mendengar cerita sejarah tentang pahlawan Islam daripada kumpulan al-Qassas . Beliau berjaya dalam peperiksaan mendapatkan biasiswa anak tempatan yang membolehkannya menduduki sekolah persediaan El-Djellis selama 2 tahun di Madrasah Constantine. Di Constantine, beliau tinggal bersama bapa saudaranya, Mahmud yang mengajar muzik dan cabang tasawuf (al-Isawiyah) dalam beberapa tempoh (Ahmad, M.S. & Azmul Fahimi. 2018: 57-81).


Beliau akhirnya berjaya diterima sebagai pelajar asrama penuh ke Madrasa Constantine (Lycee Franco-Musulman) bermula pada sesi 1921/1922. Setelah itu, Bennabi melanjutkan pelajarannya dengan menuntut ilmu di bawah bimbingan mufti, tokoh-tokoh, guru-guru dan rakan sepengajian pada zamannya. Beliau mendalami ilmu Tauhid, Sirah Nabawiyah dan sejarah gerakan Islah daripada al-Syeikh Maulud Bin Mauhud, seorang bekas mufti Constantine. Beliau juga mendalami ilmu Fiqh daripada al-Syeikh Ibnu al-Abid. Selain itu, beliau juga belajar bahasa dan sastera Perancis daripada Monsieur Martin dan beliau belajar ilmu asas dan metode pemikiran Descartes bagi menentang tradisi khurafat daripada Bobreiter. Melalui mereka berdua timbul minatnya yang mendalam terhadap budaya membaca dan kepetahan berbicara. Beliau juga menuntut ilmu daripada al-Syeikh Abdul al-Majid dengan mendalami ilmu bahasa Arab dan hal ehwal Islam di Masjid Besar Constantine. Sejak itu, beliau mula tertarik dengan syair-syair Arab klasik zaman Jahiliyyah, Umayyah, dan Abbasiyyah serta berkenalan dengan puisi-puisi moden. Beliau menjadi lebih prihatin terhadap perubahan sosial dan budaya yang muncul di Tébessa dan Constantine (Ahmad, M.S. & Azmul Fahimi. 2018: 58-59).

Pada tahun 1930, atas saranan dan pembiayaan ibubapanya, Bennabi tiba di Paris dengan tujuan melanjutkan pelajaran. Beliau memilih menyertai L'Ecole des Langues Orientales tetapi gagal dalam ujian bahasa yang diadakan oleh Jabatan Arab kerana diskriminasi. Akhirnya beliau terpaksa akur mendaftar di Institut Kejuruteraan yang keseluruhannya mengubah haluan akademiknya (Bennabi, 1970: 30). Di Perancis, beliau bertemu Hammudah Ben al-Saie, iaitu rakan sejak zaman madrasah yang menggunakan ayat al-Quran sebagai pentafsiran sosiologi masyarakat Islam semasa. Persahabatannya yang kekal menambah minatnya terhadap bidang yang dipelajari Bensaie (Bennabi, 1970: 219-220). Bensaie yang disebutkan Bennabi sebagai ‘guruku’, merupakan pelajar falsafah yang cemerlang, dibawah Louis Massignon, menambahkan lagi minatnya itu dan merancang keputusan terhadap kerjaya masa depannya sebagai penulis yang menumpukan pengkhususan dalam hal ehwal dunia Islam. Beliau terhutang budi dengan rakannya itu kerana mengembangkan pengetahuannya terhadap tafsir, falsafah, sosiologi dan sejarah. Lalu membawanya kepada karya-karya Rene Descartes, Immanuel Kant, Hermann Keyserling, Friedrich Nietzsche, Oswald Spengler dan Arnold Toynbee. Beliau telah menamatkan pengajian sebagai jurutera elektrik pada tahun 1935.

Bennabi juga mendalami pelbagai ilmu daripada beberapa orang guru-guru yang mencakupi bidang ilmu al-Quran, sejarah, sosiologi, falsafah, teologi, bahasa, sastera, fiqh, matematik dan kejuruteraan. Pendidikan secara formal dan tidak formal yang diterimanya menjadikan beliau seorang yang amat mencintai ilmu dan dapat menguasai lebih daripada satu disiplin. Berikut adalah antara buku yang pernah menjadi rujukan Malek Bennabi:

1. *Karya Muqaddimah - Ibn Khaldun (diterjemah oleh Dozy)*
2. *Condillac - Étienne Bonnot de Condillac*
3. *Risalah al-Tawhid - Muhammad Abdurrahman*
4. *Majalah Al-Manar (terbit 22 Syawal 1315H/17 Mac 1898) - Rashid Rida'*
5. *Al-Fasyl al-Aklaqiy li al-Siyasah al-Gharbiyah fi al-Syarq – Rashid Rida'*
6. *Akhbar al-Syihab.*
7. *L'Ombre chaude de l'Islam/ Fi Zilal al-Islam al-Daf'i'ah – Isabelle Eberhardts*
8. *l'Islam entre la baleine et l'ours (Al-Islam bayna al-Hut wa al-Dubb) – Eugen Jung (Sylvester Duslan)*
9. *al-Nidal al-Ijtima'iyy (Lalutte Social)*
10. *al-Ashr al-Jadid*
11. *Oun-ul-Qura/Umm al-Qura – Abdul Rahman Kawakibi*
12. *Jurnal I'Humaniste (Akhbar al-Insaniyah) – Kaum Komunis*
13. *Kertas kerja al-Iqdam dan al-Rayah (L'ikdam dan Etandard) – Emir Khaled*
14. *Jurnal - Rabindranath Tagore*
15. *The Spirit Of Islam – Ameer Ali*
16. *How We Think – John Dewey*
17. *Young India – Romain Rolland*
18. *Buku Balzac di rumah mentuanya*
19. *Karya Al-Sira' – penulis Arab dalam pembuangan*
20. *Study of History (1934) – Arnold Toynbee*
21. *Lectures on the Philosophy of History (1837) – Georg Wilhelm Friedrich Hegel*
22. *The Decline of the West (1918) – Oswald Spengler*

HISTORIOGRAFI: PENULISAN DAN KARYA



Rajah 1: Dapatan kajian bagi kronologi penulisan karya-karya Malik Bennabi

Bennabi mula menulis secara langsung sekitar lewat 1920an, ketika beliau diterima bekerja sebagai ‘Adl (penulis) di Mahkamah Aflou, Oran, Algeria (Usman Syihab, 2000: 39-40). Sekitar tahun 1930an setelah 2 tahun yang tidak produktif di Algeria, Bennabi kembali ke Perancis tinggal bersama isterinya dari tahun 1939 hingga 1956 dalam usaha merekodkan pemikirannya, beliau telah berhasil menerbitkan 4 buah buku bermula selepas Perang Dunia II. Karya tersebut adalah ‘*Fenomena al-Quran*, 1946; *Lebbeik*, 1947; *The Les Condition de la Renaissance*, 1948; dan *Vocation De l'Islam*, 1954 (al-Quraisyi, 1996: 25). Dalam buku-buku tersebut, Bennabi cuba menetapkan beberapa peraturan bersifat teoritikal bagi membangkitkan semangat pembaharuan.

Semasa di Kaherah, Bennabi meneruskan aktiviti penulisannya dengan membawa manuskriptnya *L'Afro-Asiatisme*, buku itu telah diterbitkan pada tahun 1957 dengan tajaan Kementerian Penerangan Mesir. Di samping itu, beliau menghasilkan beberapa karya seperti *S.O.S Algeria*; dan *al-Sira'l-Fikri fi l-Bila'dal-Musta'marah* pada tahun sama. Pada tahun berikutnya beliau menerbitkan *Fikrah Kūmunwilth Islāmī* dan *Hadīth fi al-binā' al-jadīd* yang diterbitkan di Beirut pada tahun 1958. Syaran-syaran serta perbincangan beliau turut

direkodkan dalam beberapa buku seperti dalam *Ta'ammulaat; Fī mahabb al-ma'rakah;* dan *Milad Mujtama'* yang kesemuanya telah diterbitkan sekitar tahun 1961 dan 1972 di Kaherah.

Pada tahun 1963, pasca kemerdekaan Algeria 1962, Bennabi meneruskan kegiatan menulis dan ceramah dalam bahasa Perancis. Beliau menulis dalam akhbar tempatan terutama jurnal *Perancis Révolution Africaine* hampir setiap minggu dan menterjemahkan tulisannya ke dalam bahasa Arab. Di Algeria, Bennabi memusatkan perhatiannya, analisis terhadap pelbagai isu kevakuman ideologi pasca kemerdekaan. Pada waktu pula beliau berjaya menerbitkan beberapa lagi buku iaitu *Afaq Jaza 'iriyyah, Musykilat al-Afkar fi al-Alam al-Islamiy; Al-Muslim fi al- 'Alam al-Iktishad;* dan *Yawmiyat Syahid al-Qarn al-Tifl, al-Talib* (al-Quraisyi, 1996: 28).

Menurut Badrane (2011: 56), dari tahun 1940 hingga kematiannya pada tahun 1973, beliau menulis banyak buku dan artikel yang memberikan pandangan mendalam tentang falsafah sejarah, sosiologi, perubahan sosial dan sejarah serta menekankan isu-isu budaya dan peradaban, serta tradisi budaya yang berbeza yang melibatkan para pemikir terkemuka dari semua peringkat umur. Maka, hal ini menyebabkan pemikiran dan analisisnya nampak lebih sistematik, komprehensif dan ideal. Oleh itu, menurut Nurhakim (2008: 147), idea ‘pembaharuan peradaban’ atau ‘projek kebudayaan’ yang dicadangkan cukup kritis terhadap konteks ketika itu serta selari dengan budaya masyarakat itu sendiri. Penulisan yang ditulis oleh Bennabi sepanjang hayatnya direkodkan ialah lebih daripada 20 buah buku semenjak 1948 hingga 1973.

Namun disebabkan beliau disebut sebagai musuh penjajah, banyak karyanya yang tidak lagi diterbitkan, hilang atau ditapis sebelum disempurnakan. Antara genre karya asli tulisan Bennabi ialah seperti kritikan, tafsir, sejarah, fiksyen, petikan, kertas persidangan dan prosiding autobiografi. Menurut penulis karya-karya Bennabi telah diterbitkan dalam pelbagai bahasa iaitu Arab(144), Perancis (112), Inggeris(42), Turki(8), Malaysia(5), Sepanyol(4), Indonesia(2), Jerman(1) dan Parsi(1).

Terdapat beberapa karya asal yang ditulis Bennabi, antaranya seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Analisis kajian bagi historiografi Malik Bennabi

No	Terbitan	Sumber Primer	Bahasa	Tema
1.	1946 Paris	Le phénomène coranique	Perancis	Tafsir
2.	1947 Paris	Lebbeik, pélerinage de pauvres: roman (Novel pertama dan satu-satunya yang menarik minat para pembuat filem Perancis, kerana kecenderungan dan tarikan yang diterimanya, penulis tidak lagi terlibat dalam hakcipta novel)	Perancis	Novel
3.	1948 Paris	Les condition de la renaissance	Perancis	Peradaban
4.	1954 Paris	La Vocation de l'Islam, (Islam In History and Society)	Perancis	Falsafah Sejarah
5.	1956 Kaherah Le Caire	L'afro-asiatisme; conclusions sur le Conférence de Bandōeng	Perancis	Prosiding
6.	1957 Kaherah	S.O.S Algeria	Perancis	Penjajahan

7.	1957	Kaherah	al-Sira'l-Fikri fi 'l-Bila' dal-Musta'marah	Arab	Wacana Politik
8.	1959	Beirut	Hadīth fi al-binā' al-jadīd.	Arab	Peradaban
9.	1959	Kaherah	Musykilat al-Thaqafah	Arab	Budaya
10.	1960	Kaherah	Fikrah Kūmunwilth Islāmī	Arab	Pemikiran
11.	1961	Kaherah	Ta'ammulaat fi al-mujtama' al-arabi (Renungan)	Arab	Syaranan Penulis
12.	1961	Kaherah	Fī mahabb al-ma'rakah	Arab	Jurnal
13.	1962	Kaherah	Milad Mujtama'	Arab	Sosiologi
14.	1965	Algiers	Muzakkirat syahid lil qarni: al-qismu awwal, Tiflun(1905-30). (2 jilid dalam karya bahagian pertama: 1.Seorang Anak; dan 2.Seorang Pelaja)	Perancis	Autobiografi
15.	1965	Algiers	Islam et démocratie	Perancis	Politik
16.	1965	Algiers	Perspectives Algériennes: De la civilization, de la culture, l'idéologie	Perancis	Peradaban
17.	1970	Beirut	Intāj al-mustashriqīn wa-atharuh fī al-fikr al-Islāmī al-ḥadīth	Arab	Pemikiran Arab-Islam
18.	1970	Beirut	Muzakkirat syahid lil qarni: al-qismu thaani, al-Taalib(1930-39)	Arab	Autobiografi
19.	1972	Kaherah	Musykilat al-Afkār fi al-Alam al-Islāmi.	Arab	Teologi
20.	1972	Beirut	Al-Muslim fi Alam al-Iqtisad	Arab	Ekonomi
21.	1973	Algiers	Le rôle du musulman dans le dernier tiers du 20ème siècle	Perancis	Pemikiran
22.	1978	Tripoli	Baina al-Rashad wa at-Tiyyah	Arab	Sains
23.	1989	Ouled Fayet	Changer les algériens pour changer l'Algérie: articles de presse.	Perancis	Budaya
24.	1991	Beirut	al-Qaḍāyā al-kubrā	Arab	Sosiologi
25.	1995	Damsyik	Min ajl al-Taghyīr	Arab	Peradaban
26.	2006	Damsyik	Majālis Dimashq	Arab	Prosiding
27.	t.th	-	Muzakkirat syahid lil qarni: al-qismu thalith, al-Kaatib (Muzakkirat syahid lil qarni jilid ke-3 dan ke-4 masih belum diterbitkan).	Arab	Autobiografi
28.	t.th	-	Muzakkirat syahid lil qarni: al-qismu raabi', Mulaakhadhaat.	Arab	Autobiografi
29.	t.th	-	Le livre et le milieu humain.	Perancis	Falsafah

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Bennabi merupakan seorang tokoh intelektual Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai disiplin dan menjadi pejuang disebalik tabir dalam masyarakat Algeria pada abad ke-20. Selain itu, konteks sejarah Bennabi dari segi sosial, politik dan intelektual memaparkan sepanjang perjalanan hidupnya ditempuhi dengan pelbagai cabaran terumatanya di Algiers, Paris dan Kaherah. Beliau pada permulaan hidupnya menumpukan pelajaran dan banyak melibatkan diri dengan kegiatan sosial dan intelektual. Pada usia kematangan, beliau mula menghasilkan karya secara langsung dan konsisten. Sekitar revolusi perindustrian ketiga berkembang, beliau mengembangkan keinginan untuk mencari intipati kebudayaan dan kebangkitan tamadun. Kecewa dengan kegagalan beberapa pemimpin Islam untuk menangani masalah yang dihadapi oleh umat Islam, lalu cuba menyelesaikannya dengan cara sendiri.

Dari perspektif ilmu ketamadunan, Bennabi dianggap sebagai tokoh yang berjaya menghasilkan karya yang secara khusus membincangkan tentang falsafah sejarah dan peradaban Islam, antaranya karya *Vocation de l'Islam* dan *Syurut al-Nahdah*. Malah, karya tersebut boleh dianggap sebagai karya primer dan berkualiti dalam perbincangan tentang falsafah sejarah dan peradaban Islam, terutamanya sejarah abad ke-20. Seperti tokoh-tokoh Islam lain, Bennabi juga banyak menulis dan menghasilkan pelbagai karya bermanfaat. Karya-karya yang ditulis semasa hayatnya bersesuaian dengan kepakaran dan keilmuan beliau meliputi pelbagai bidang ilmu seperti falsafah, pemikiran, sosiologi, sejarah dan peradaban. Oleh itu, karya-karya Bennabi wajar dijadikan sebagai rujukan dan bacaan utama kepada sesiapa yang berminat untuk mengkaji tentang peradaban Islam secara lebih tuntas.

Walaupun karyanya sukar diterima oleh masyarakat sezamannya, namun karya-karya peradabannya yang diterjemahkan dari pelbagai negara menjadi bukti bahawa betapa pentingnya idea beliau yang perlu dilaksanakan buat generasi baru. Setelah dinilai oleh sarjana-sarjana Islam sebelum ini jelas memperlihatkan karya-karya yang ringkas dan padat oleh Bennabi telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa termasuk bahasa Malaysia untuk digali akan datang. Ini kerana sesebuah karya yang berkualiti dinilai berdasarkan jumlah cetakan dan terjemahan buku tersebut. Justeru, karya-karya Bennabi wajar diangkat sebagai rujukan dalam bidang sejarah bagi memperkayakan lagi perbendaharaan sejarah Islam. Bennabi bukan sahaja menulis tentang pandangan alamnya malah beliau mengajak kita kembali menilai diri dengan segala kekuatan dan kelemahan.

Sebagai intiha, maka selayaknya nama Malek Bennabi disenaraikan sebaris tokoh-tokoh pembaharuan pada awal hingga pertengahan abad ke-20 yang lain seperti Muhammad Abdurrahman (1849-1905); Abū Zahra (1898-1974); al-Banna (1906-1949); dan Sayyid Qutb (1906-1966) di Mesir, Tok Kenali (1868-1933) di Malaysia; Ben Badis (1889-1940) di Algeria; Musa Bigivey (1875-1949) di Rusia; Said Nursi (1877-1960) di Turki; ibn ‘Ashur (1879-1973) di Tunisia; ‘Ali Shariati (1933-1977) di Iran; al-Mawdudi (1903-1979); dan al-Nadwi (1914-1999) di India; Allama Iqbal (1877-1938); dan Fazlur Rahman (1919-1988) di Pakistan dan Hamka (1908-1981) di Indonesia yang mana peranan dan sumbangan mereka ini akan diingati sebagai arkitek utama dalam kebangkitan semula peradaban Islam.

RUJUKAN

- Abdulaziz Berghout. 2001. *The Concept of Culture and Cultural Transformation: Views of Malik Bennabi*, Intellectual Discourse, 9 (1): 67-83.
- Adil, M.A.M. 2017. *Malek Bennabi (1905-1973CE)*. dalam. Md. Hashim Kamali dan Crow, Karim Douglas (ed.). *The Architects Of Islamic Civilisation*, ms 288- 296. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.
- Adnan Khalil Basha. 1992. *Malek Bennabi And His Modern Islamic Thought*. Tesis Ph.D, Department of Politics, University of Salford.
- Ahmad, M.S. & Azmul Fahimi. 2018. *Idea Peradaban Malek Bennabi dalam Islam In History and Society*. Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam 2018, hlm.57-81.
- Ageron, Charles-Robert. 1991. *Modern Algeria: A History from 1830 to the Present*. London: Husrts and Company.
- Ayat Sudrajat. 2010. *Sejarah Dan Peradaban: Sketsa Pemikiran Malik Bennabi*. Jurnal Ilmu- ilmu Sosial dan Humaniora, 5 (1): 1-16.
- Amin al-Khalidiy. 2008. *Malek Ben Nabi. Tokoh-tokoh Ilmuan Islam*, <http://ilmuankhalidy.blogspot.my/2008/05/malik-ben-nabi.html>, diambil pada 15 Jun 2017.
- Alwi Alatas. 2009. *Malik on Civilization*. Alwi Alatas' Site, <http://alwialatas.multiply.com/journal/item/74>, diambil pada 15 Jun 2017.
- Badrane Benlahcene, 2004. *A Metatheoretical Study Of Malek Bennabi's Approach To Civilization*. Tesis Ph.D, Faculti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Badrane Benlahcene. 2011. *Malek Bennabi's Concept And Interdisciplinary Approach To Civilisation*. International Journal of Arab Culture, Management and Sustainable Development, 2(1), 55-70.
- Bariun, Fawzia Muhammad. 1993. *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Bennabi, Malik. 1970. *Muzakirat Syahid al-Qarn*, juz 1, terj. Al-Qanwaniy. Dar al-Fikr: Damsyik.
- Bennabi, Malik. 1991. *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bennabi, Malik. 1998. *On the Origin of Human Society*. London: The Open Press.
- Bennabi, Malik. 1994. *The Problem of Ideas in the Muslim World*. Selangor Darul Ehsan: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Bennabi, Malik. 2003. *The Question of Culture*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Bennabi, Malik. 1987. *Shurut al-Nahdah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bennabi, Malik. 1994. *Mushkilat al-Afkar fi al-'Alam al-Islami*. Terj. Mohamed El-Taher El-Mesawi. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Fawzia Muhammad Bariun. 1988. *Malik Bennabi's Life And Theory OF Civilization*. Tesis Ph.D, Near Eastern Studies, University of Michigan.
- Joly, Daniele. 1991. *The French Communist Party and the Algerian War*. Hampshire: Macmillan Press ltd.

- Mohd Nurhakim. 2008. *Malik Bennabi And The Intellectual Problems Of Muslim Ummah*. American Journal of Islamic Social Sciences 9 (3): 325-337.
- Mohd Nurhakim. 2008. *Malik Bennabi Dan Strategi Pembangunan Peradaban Alternatif Bagi Dunia Ketiga*. Journal of al-Tamaddun 3 (1): 128-148.
- Mohamad Kamil Abd Majid. 1995. *Pemikiran Malik Bin Nabi Mengenai Problem Tamadun Dunia Islam Kini*. Jurnal Usuluddin 10(1): 32-46.
- Nakib A Omar. 2004. *Malik Bennabi's Ideas On Civilization And The Development Of The Society: Perspectives On Education*. Tesis Ph.D, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Norazlan Hadi Yaacob, Aiza Maslan @ Baharudin. 2014. *Manusia Dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Malek Bennabi Dan Ali Syariati*. Journal of Human Capital Development. 7(1): 83-97.
- al-Quraisyi, Ali. 1996. *Malik Bin Nabi dan Pergolakan Sosial Vol 1*. Terj. Mohd. Sofwan Amrullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Rosfazila Abd. Rahman & Abdul Razif Zaini. 2012. *The Sociological and Linguistic Review on Malek Binnabi's New Theory of Education for The Contemporary Muslim World*. Kertas kerja The 2nd Selangor International Conference on Islamic Education 2011 (ICIED 2011). Dianjurkan oleh Kolej Universiti Islam Selangor. Bangi-Putrajaya, 19–21 Disember.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2011. *Falsafah Dan Metodologi Pengkajian Sejarah Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Kertas kerja Seminar Khas Sejarah Alam Melayu: Antara Fakta dan Khayalan Tahun 2011. Dianjuran oleh Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Bilik Jemaah UTM International Campus Kuala Lumpur, 9hb September.
- Zaid Ahmad & Badrane Benlahcene. 2015. *A 20th Century Civilization Discourse: Some Notes On Malek Bennabi*. Journal of Muslim Affairs. 1(1): 1-16.
- Zakaria, W.F.A.W. 2009. Islam di Era Globalisasi. dalam. Jaffary Awang, Muda@Ismail Ab.Rahman dan Jawiah Dakir (pnyt.). *Malik Bennabi, Dinamisme Tamadun dan Cabaran Globalisasi era Pasca Kolonial*, ms 40-58. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.